

25/08/2003

Tapisan filem diperketat (HL)

Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan memperketatkan lagi proses penapisan filem yang mempunyai unsur ganas dan seks keterlaluan sebelum diberi kelulusan untuk tayangan, tanpa menjejaskan jalan ceritanya, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, memang sudah ada garis panduan penapisan tertentu bagi filem seperti itu, tetapi banyak lagi boleh dibuat untuk memastikan filem yang ditayangkan kepada umum hanya mempunyai adegan berkenaan yang minimum.

Katanya, beliau bersetuju pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa filem serta program berbentuk keganasan dan seks di televisyen banyak mempengaruhi tingkah laku pelajar.

Sehubungan itu, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata pihaknya akan mendapatkan pandangan pelbagai agensi serta berbincang dengan Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPF) dalam masa terdekat ini bagi mencari jalan terbaik untuk mengurangkan unsur keganasan dalam filem.

"Filem berunsur keganasan itu mungkin menyebabkan anak kita bertindak buas dan mengganas... mereka nak buat kelakuan seperti yang mereka tengok dalam televisyen atau filem. Ini amat berbahaya..

"Kita mahu filem ditapis mengikut syarat ketat supaya cerita yang terlalu banyak unsur ganas serta seks yang memudaratkan dan membawa pengaruh tidak baik, dapat dikurangkan," katanya ketika ditemui selepas menyertai Kejohanan Golf Jemputan Business Times 2003 di The Hyatt Saujana Golf & Country Club di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri yang diminta mengulas mengenai penyingkiran 20 pelajar tingkatan lima Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR), Ipoh kerana cuba menghidupkan budaya ala samseng dikenali 'High Council', berkata semua itu datang daripada idea menonton program berbentuk keganasan di televisyen.

"Pendapat saya mudah saja. Saya dapati bahawa terlalu banyak filem berkaitan seks dan keganasan yang datang dari luar negara. Tak ada cerita lain, cuma seks, keganasan, terminator itu, terminator ini, tembak... bunuh," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, meskipun ada pihak mahu kerajaan membuat tapisan tayangan, pihak lain pula menyatakan tidak, kononnya itu kebebasan, "tetapi sebenarnya kebebasan untuk membunuh orang juga sekarang ini."

Abdullah berkata, filem pada zaman dulu kurang mempunyai unsur ganas dan seks, berbanding sekarang.

"Ini perlu kita tengok... kita ambil pandangan Perdana Menteri. Kita akan bincang dan tengok dasar penapisan filem yang ada bagi mengurangkan unsur berkenaan," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan hadiah kepada pemenang kejohanan yang disertai lebih 80 pegawai kanan syarikat swasta dan agensi kerajaan, termasuk Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufik, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), Datuk Dr Awang Adek Hussein dan Pengerusi UMW Corporation Berhad, Tan Sri Asmat Kamaluddin serta Pengarah Urusannya, Dr Abdul Halim Harun. UMW menjadi Penaja utama kejohanan itu.

Dalam kejohanan itu, Pengarah Kewangan PT Apexindo Pratama Duta, Agustinus B Lomboan memenangi tempat pertama manakala Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Asian Defence Journal, Syed Fadzillah Syed Hussein (kedua)

dan Pengurus Besar (Perancangan Korporat) UMW Corporation Berhad, Eddie Tan (ketiga).